

## STRATEGI PENGURUSAN SURAU NURUL SALAM TERHADAP PERKEMBANGAN ISLAM DI KAMPUNG ORANG ASLI TUN ABDUL RAZAK (KOATAR), KUALA KUBU BAHRU SELANGOR

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mohd Hakim Arshad, Ahmad A'toa' Mokhtar Ahmad  
Fauzi Shahar, Zulkefli Aini  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[yusufmarlon@kuis.edu.my](mailto:yusufmarlon@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Surau Nurul Salam, KOATAR merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab dalam pembangunan rohani serta membentuk peribadi masyarakat Orang Asli agar menjadi Muslim yang baik. Di samping itu, surau tersebut juga telah dinobatkan sebagai Surau KOA Terbaik pada tahun 2016. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kecekapan pengurusan surau Orang Asli terhadap strategi pengurusan sehingga dinobatkan sebagai juara surau terbaik keseluruhan negeri Selangor. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif yang melibatkan analisis dokumen dan kaedah tinjauan iaitu temubual. Satu temubual berstruktur telah diadakan bersama-sama ahli jawatankuasa Surau Nurul Salam. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa, Surau Nurul Salam menjalankan satu perancangan strategi pembentukan organisasi ahli jawatankuasa surau setiap tahun. Manakala, bagi cabaran dan halangan dakwah pula lebih tertumpu kepada masalah kewangan dan kekangan masa. Walaupun begitu, pengurusan surau dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti harian, mingguan dan bulanan dan ianya berjalan dengan baik seperti yang dirancangkan. Secara keseluruhannya, surau ini boleh dijadikan sebagai satu model untuk gerakan dakwah khususnya pengurusan surau-surau di perkampungan masyarakat Orang Asli di seluruh semenanjung Malaysia.*

**Kata Kunci:** Strategi, Pengurusan, Cabaran, Surau Nurul Salam, Orang Asli

### 1. PENDAHULUAN

Masyarakat Orang Asli merupakan sebuah kaum pribumi yang masih lagi baru didekah dengan agama Islam. Adalah menjadi peranan pendakwah dalam menjalankan satu kegiatan berpusat bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Bagi masyarakat Orang Asli di KOATAR, Surau Nurul Salam merupakan satu unit yang bertanggungjawab dalam mengerakkan aktiviti dakwah dan digerakkan bersama-sama oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), JAKIM dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) cawangan Kepong Barat, Kuala Lumpur. Di samping itu, turut juga diadakan aktiviti dari pihak luar seperti bomba, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan lain-lain lagi. Hasil dari kerjasama yang dilaksanaan telah melayakkan Surau Nurul Salam dinobatkan sebagai Surau KOA Terbaik 2016.

### 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen temubual dan analisis dokumen. Satu temubual telah diadakan bersama-sama AJK Surau Nurul Salam bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan jelas terhadap strategi dan pengurusan dakwah yang dijalankan sehingga dinobatkan sebagai Surau KOA Terbaik pada tahun 2016. Dapatkan kajian ini akan memfokuskan kepada tiga bahagian iaitu strategi pengurusan surau, cabaran dan halangan, dan keberkesanannya pengurusan.

### 3. TINJAUAN LITERATUR

Kebanyakkan kajian-kajian lepas lebih tertumpu kepada dakwah kepada Orang Asli di semenanjung Malaysia. Antaranya ialah kajian Abdullah Muhammad Zin (2007) yang bertajuk “Pengurusan Dakwah dalam Masyarakat Cina dan Orang Asli”. Kajian ini adalah mengenai pengurusan dakwah institusi Islam seperti JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri-negeri, PERKIM, YADIM, ABIM dan juga instiusi Pengajian Tinggi Awam iaitu Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menurut Halim Mokhtar (2002) di dalam kajian yang bertajuk “Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli Di Pulau Carey, Banting, Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan”, beliau menyatakan bahawa Orang Asli masih lagi mempunyai sikap negatif dan pandang serong terhadap ajaran Islam. Keadaan ini berlaku disebabkan latar belakang pendidikan yang rendah dan ini menjadikan pemikiran mereka tidak terbuka dengan perkembangan semasa serta tidak mendapat pendedahan tentang ajaran Islam. Seharusnya pendekatan dakwah yang dijalankan itu mestilah dipelbagaikan dengan pelbagai bentuk dan tidaklah tertumpu kepada program mega, bahkan penggunaan konsep dakwah bil hal perlulah diadakan dari masa ke masa seperti program ziarah, ramah mesra dan program turun padang diadakan sekerap yang mungkin. Ini bertujuan bagi membolehkan masyarakat Orang Allah mengenali akan ajaran Islam dan menjalinkan hubungan bagi memudahkan lagi penyampaian dan penerangan tentang agama Islam.

Terdapat satu penyelidikan yang berkait rapat dengan status mualaf boleh dijadikan rujukan. Kajian yang telah dijalankan oleh Masthurhah bt. Ismail (2011) adalah berkenaan tahap kefahaman Islam di kalangan masyarakat orang Asli di Lata Kinjang, Perak. Hasil kajian ini menunjukkan pengetahuan orang Asli tentang ajaran Islam dari aspek fardhu ain adalah memuaskan, berpandukan kepada kehendak dan usaha mereka sendiri untuk mempelajarinya. Bagaimanapun kajian ini hanya terhad pada tahun semasa dijalankan dan tidak diberikan modul pengukuran yang tepat untuk menilai status mualaf orang Asli tersebut.

## **4. DAPATAN KAJIAN**

### **a. Strategi Pengurusan Surau**

#### i. Pembentukan dan pemilihan organisasi surau

Sebagai sebuah organisasi kecil yang menguruskan pergerakan dan perancangan dakwah di KOATAR, pembentukan organisasi merupakan perkara penting dalam membolehkan sesuatu kegiatan itu dijalankan. Bagi surau Nurul Salam, pemilihan dan pembentukan sebuah organisasi dihasilkan melalui mesyuarat, akan tetapi pelaksanaan mereka agak sedikit berbeza sebagaimana yang diterapkan surau-surau di luar. Bagi surau Nurul Salam, mereka telah mengedarkan dua borang bagi tempoh tertentu. Kedua-dua borang tersebut mengandungi jawatan seperti berikut:

- i. Borang Pertama: Pengerusi/Imam/Bilal/Siak
- ii. Borang Kedua: Setiausaha/Bendahari/AJK

Tujuan diadakan pengedaran borang adalah:

- i. Mengelakkan kebisingan dan kekurangan adab seseorang seperti yang sering berlaku di surau-surau lain. Ini bagi mengelakkan ketiadaan respon dikalangan masyarakat Orang Asli.

- ii. Mengelakkan adanya satu gosip-gosip yang memburukan orang lain. Ini juga dapat membantu masyarakat KOATAR untuk memilih siapa yang mereka minat dan layak bagi sesuatu jawatan di dalam surau. Berdasarkan temubual yang diadakan, masyarakat Orang Asli merupakan sebuah masyarakat yang rajin bergosip dan sering membawa cerita kepada orang lain. Atas sebab itu jugalah pemilihan ajk surau dilakukan secara terbuka dengan pengedaran borang undian.
- iii. Satu alternatif bagi mengatasi sifat malu yang terdapat di dalam diri masyarakat Orang Asli. Dengan adanya borang undian ini, masyarakat Orang Asli boleh menyatakan siapa yang mereka ingin undi.

Pemilihan organisasi surau Nurul Salam dipilih sepenuhnya oleh masyarakat Orang Asli KOATAR tanpa adanya campur tangan dari luar. Satu kiraan akan dilakukan bagi menentukan siapakah yang akan memegang tampuk kepimpinan surau sekali setahun.

ii. Strategi pengimaranan surau

Bagi surau Nurul Salam, strategi yang diamalkan oleh mereka adalah menerapkan aktiviti yang dilakukan surau-surau di luar terhadap masyarakat Orang Asli. Perkara ini bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada penduduk KOATAR akan perkara-perkara yang sering kali dilakukan oleh bagi masyarakat luar. Di samping itu, ianya bertujuan untuk membiasakan kepada mereka sehingga ianya menjadi satu amalan yang tetap dan menghapuskan perbezaan diantara masyarakat Orang Asli dan juga masyarakat luar. Gambaran yang lebih jelas bagi strategi yang dilaksanakan sebagaimana yang tertera di bawah:

Jadual 1: Strategi pengimaranan surau Nurul Salam

Aktiviti harian atau mingguan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Solat lima waktu</li> <li>ii. Kelas fardhu ain muallaf (KFAM)</li> <li>iii. Minum malam</li> <li>iv. Bacaan Yassin dan tahlil</li> <li>v. Zikir harian</li> <li>vi. Ceramah</li> </ul>
Aktiviti bulanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Qiamulail</li> <li>ii. Zikir munajat</li> <li>iii. Kuliah bulanan</li> <li>iv. Ceramah hari kebesaran Islam</li> <li>v. Lain-lain</li> </ul>
Aktiviti tahunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Majlis berbuka puasa</li> <li>ii. Solat sunat hari raya</li> <li>iii. Sambutan aidilfitri</li> <li>iv. Ibadah qurban</li> <li>v. Gotong royong</li> <li>vi. Lawatan</li> </ul>

Antara perkara yang menarik perhatian penyelidik ialah pihak surau Nurul Salam sering kali mengadakan satu perancangan tanpa diduga seperti ceramah dan menyediakan makan malam. Kebiasaannya, jarak antara perancangan tanpa diduga dan hari kejadian tidak jauh, anggaran waktu dalam tiga hari. Manakala dari sudut penceramah, pada peringkat awalnya,

mereka memilih pengerusi surau, Ustaz Simdey bin Muhammad, penduduk tetap di KOATAR bagi menyampaikan ceramah. Menurut apa yang dimaklumkan, penduduk KOATAR sering kali berkumpul untuk bersempang di surau. Bagi menarik minat masyarakat KOATAR untuk memeriahkan surau itu lagi, pihak surau telah menyediakan bekalan minum malam untuk seperti teh, kopi, gula dan lain-lain lagi. Hasilnya, aktiviti ini telah menjadi satu aktiviti tetap buat masyarakat KOATAR.

Bagi hebahan aktiviti, surau Nurul Salam telah membuat satu kumpulan di aplikasi *whatsapp* bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada masyarakat KOATAR. Pemakluman program secara kebiasaannya akan dimaklumkan seminggu awal bagi memudahkan perancangan masa Orang Asli itu sendiri.

iii. Faktor yang mempengaruhi keaktifan surau

Antara faktor utama yang mempengaruhi keaktifan surau adalah sokongan dari pelbagai intitusi seperti JAKIM, MAIS, badan-badan dakwah seperti PERKIM cawangan Kepong Barat, Orang Besar Daerah dan lain-lain lagi. Disamping itu, terdapat juga program-program yang diadakan oleh pihak luar di KOATAR seperti PERKIM cawangan Kepong Barat yang sering kali mengadakan program di sana, anggaran tiga hingga empat program setahun. Selain itu, terdapat juga dari pihak korporat seperti yang Program Ibadah Korban dan Program Gotong Royong anjuran Persatuan Pengusaha-pengusaha Petroleum Shell Malaysia yang melibatkan pengusaha-pengusaha stesyen shell yang pelbagai kaum. Turut juga diadakan gotong royong dengan kerjasama bomba dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Antara yang menarik perhatian ialah pihak surau Nurul Salam turut mengadakan aktiviti santai bersama-sama penduduk KOATAR walaupun aktiviti tersebut hanyalah makan roti canai. Kerjasama yang utuh di antara penduduk KOATAR, penduduk setempat daerah Kuala Kubu Bahru serta kehadiran Tok Batin turut memeriahkan lagi program-program yang dianjurkan oleh surau Nurul Salam.

**b. Cabaran dan Halangan Dakwah**

Cabaran dakwah yang dihadapi oleh pihak surau adalahkekangan kewangan. Kewangan merupakan antara faktor utama yang menghalang pelaksanaan pergerakan dakwah dan juga aktiviti yang ingin dilakukan. Ini kerana surau Nurul Salam tidak boleh melakukan sebarang kutipan tanpa adanya pengesahan dari pihak berwajib. Surau Nurul Salam merupakan sebuah surau yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan diletakkan di bawah bidang kuasa Masjid Kuala Kubu Bahru. Di samping itu, surau tersebut turut diletakkan di bawah pantauan pihak Jabatan Kebajikan Orang Asli Malaysia (JAKOA). Secara tidak langsung, perkara ini agak menyukar bagi pihak surau Nurul Salam untuk membuat kutipan dalam menjayakan aktiviti yang ingin dijalankan. Tambahan lagi, bagi tahun 2017, mereka juga tidak dapat peruntukan zakat dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Cabaran dan halangan lain ialah kekangan masa kerana hanya terdapat dua orang yang bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti dakwah di KOATAR iaitu pengerusi dan setiausaha. Sekiranya kedua-dua ini sibuk dengan urusan-urusan lain, maka pelaksanaan dan perancangan aktiviti tidak dapat dijalankan. Malah, kekangan masa dalam kalangan masyarakat Orang Asli turut memberikan kesan dalam pelaksanaan aktiviti surau. Kebanyakkan masyarakat KOATAR menjalankan pencarian aktiviti bersumberkan pertanian, pencarian sumber hutan, bekerja di syarikat swasta dan lain-lain. Ini memberikan

gambaran secara jelas bahawa masyarakat Orang Asli tidak mempunyai pendapatan tetap dan kesukaran bagi mendapat cuti juga menyukarkan lagi untuk menjalankan aktiviti, Pengatasian yang dilakukan ialah memaklumkan seminggu awal kepada masyarakat Orang Asli akan aktiviti yang ingin dijalankan agar mereka dapat merancang masa lebih awal lagi. Selain itu, pihak surau Nurul Salam turut mengadakan aktiviti pada hujung minggu bagi memudahkan masyarakat Orang Asli menghadiri aktiviti yang dijalankan.

Bagi mengatasi cabaran ini, pihak surau Nurul Salam telah mengedarkan *flyer* dan poster kepada orang ramai dalam membantu masalah kewangan yang dihadapi seperti mana yang dilakukan semasa bulan Ramadhan. Bagi bulan Ramadhan, ada diantara penyumbang yang memberikan bantuan berupa makanan mahupun kewangan. Akan tetapi, apa yang menarik perhatian penulis ialah bagaimana mereka menerapkan perkongsian makanan seperti yang dilakukan oleh masyarakat Melayu semasa tibanya bulan Ramadhan. Melalui penerapan tersebut, pihak surau bukan sahaja dapat menjimatkan kewangan mereka, malah dapat mendidik dan menanamkan satu sifat sedekah dan berkorban kepada masyarakat Orang Asli.

Menurut Abd Ghafar (2014), penghayatan dan pemahaman masyarakat Orang Asli terhadap agama Islam masih lemah. Tambahan beliau lagi, masyarakat Orang Asli masih lagi mempunyai kefahaman dan kesedaran yang minimal dalam menghayati agama Islam dan masalah utama yang sering dihadapi adalah berkaitan persoalan aqidah dan ibadah. Perkara ini turut juga diakui oleh ajk surau Nurul Salam. Secara tidak langsung, turut memberikan kesan kepada pengimaranan surau. Akan tetapi, apa yang dilakukan oleh pihak surau Nurul Salam adalah dengan memaklumkan kepada masyarakat Orang Asli bahawa surau ini merupakan transit bagi mereka untuk apa-apa perkara, walaupun setakat berjumpa kawan. Apa yang dimaksudkan dengan transit di sini ialah sebagai tempat persinggahan. Malah, pihak surau juga menyediakan kemudahan bahan minuman bagi menarik minat masyarakat Orang Asli untuk mengimarahan surau.

### c. Keberkesanan Pengurusan

Sebagai sebuah unit yang bertanggungjawab dalam melaksanakan gerakan dakwah di KOATAR, pihak surau Nurul Salam telah merancang beberapa aktiviti dan program bagi membentuk jati diri sebagai seorang Muslim. Aktiviti-aktiviti tersebut perlu disebar-luaskan bagi memberi lebih banyak pendedahan dan pemahaman kepada masyarakat Orang Asli, di samping membiasakan kepada mereka dengan aktiviti yang dilakukan oleh surau-surau di luar.

Bagi perancangan program, pihak surau juga telah merancangkan pada setiap bulan itu dengan program-program tertentu walaupun program yang dilaksanakan itu secara santai seperti makan roti canai beramai-ramai. Bagi menjaga pemahaman masyarakat Orang Asli, pihak surau telah mengasingkan skop ceramah dan KFAM. Bagi skop ceramah, pihak surau hanya memfokuskan kepada sirah-sirah Islam dan di KFAM, pihak surau memfokuskan kepada pembelajaran fardu ain seperti feqah, tauhid, al-quran dan lain-lain lagi. Ini dilakukan bagi mengelakkan berlakunya percampuran sehingga timbulnya kekeliruan diantara ceramah dengan KFAM. Sekiranya skop ini tidak diadakan, dikhuatiti akan menghilangkan minat masyarakat Orang Asli untuk mempelajari agama Islam dikeranakan tahap pemahaman mereka yang masih lagi rendah. Selain itu, ceramah hari kebesaran Islam turut diadakan dua bulan sekali.

Manakala bagi strategi yang digunakan, menurut pandangan penyelidik, penerapan dan membiasakan masyarakat Orang Asli sebagaimana yang dilakukan oleh surau-surau di luar merupakan satu pendekatan yang berkesan dan tersusun. Malah, tidak salah penulis katakan bahawa ianya merupakan yang pertama seumpamanya di dalam Malaysia. Dari sudut tempoh penerapan yang dilaksanakan oleh surau Nurul Salam ialah selama enam bulan bagi memberikan satu sifat membiasakan dengan apa yang dilaksanakan di luar. Malah, stigma surau itu luar biasa dapat dihapuskan dan pembentukkan sifat mengimarahkan surau dapat dibentuk.

Antara perkara lain yang menarik perhatian penyelidik ialah masyarakat Orang Asli di sini turut memberikan kerjasama apabila pihak surau Nurul Salam ingin membuat kutipan kewangan. Kutipan kewangan secara lazimnya dilakukan apabila adanya kematian, pengislaman dan pernikahan, dan kutipan itu dilakukan apabila penduduk sendiri yang memberikan kebenaran. Bagi kutipan kewangan, secara puratanya dalam sebulan adalah RM300.00. Akan tetapi, jumlah kutipan tersebut akan meningkat berdasarkan situasi dan keadaan sepertinya bulan Ramadhan dan musim buah. Dari kutipan kewangan yang dijalankan, dapatlah dilihat bahawa masyarakat Orang Asli di sini amat memberikan respon yang sangat positif dan satu kerjasama yang mantap sehingga membentuk satu persefahaman yang di kalangan mereka.

Bagi pengurusan kewangan yang melibatkan pelaksanaan aktiviti, program dan kebajikan, pihak surau Nurul Salam sering kali mendapat bantuan kewangan dari mana-mana institusi kerajaan, swasta atau persendirian. Segala kewangan yang disumbangkan itu, digunakan sepenuhnya untuk pelaksanaan aktiviti, program dan aktiviti kebajikan. Disamping itu, pihak surau juga turut mempunyai satu akaun kewangan tersendiri bagi memudahkan lagi pengurusan kewangan dilakukan. Diantara kebajikan dilakukan ialah bantuan persekolahan buat anak-anak Orang Asli. Bagi bantuan persekolah, surau Nurul Salam akan menguruskan pendaftaran anak-anak Orang Asli berserta pembayaran yuran dan kelengkapan persekolahan. Hasilnya, semakin ramai anak-anak Orang Asli yang memasuki alam persekolahan dari semasa ke semasa.

Bagi pengurusan fasiliti, surau Nurul Salam mempunyai seorang siak dari kalangan masyarakat Orang Asli sendiri. Siak tersebut merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menjaga fasiliti dan kebersihan surau. Berdasarkan pemerhatian penulis, surau Nurul Salam dijaga rapi, bersih dan ditanam dengan beberapa buah pokok bagi menghiasi keindahan surau. Secara umumnya, penjagaan fasiliti surau Nurul Salam berada di tahap sangat memuaskan.

## 5. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa surau Nurul Salam telah melaksanakan satu pengurusan yang sememangnya melayakkan mereka untuk memenangi Anugerah Surau KOA Terbaik Tahun 2016. Penerapan membiasakan sebagaimana dilakukan surau-surau di luar merupakan satu strategi yang menarik bagi membina dan membentukkan jati diri sebagai seorang Muslim. Disamping itu, satu sifat mengimarahkan surau dapat dibentuk dalam menjadikan surau sebagai pusat utama transit bagi sebarang aktiviti.

Satu kerjasama dari masyarakat setempat dan penduduk Orang Asli memainkan peranan penting dalam menarik minat masyarakat Orang Asli untuk menjayakan sesuatu aktiviti yang dilaksanakan sebagaimana yang dilakukan oleh surau Nurul Salam. Ini juga dapat menarik minat masyarakat Orang Asli untuk menghadiri surau bagi mengikuti sebarang aktiviti yang dijayakan. Disamping itu, ianya juga boleh dijadikan sebagai satu tarikan buat masyarakat *non-muslim* untuk mendekati Islam.

Agak tidak keberatan untuk penulis katakana bahawa pendekatan dan pelaksanaan yang dilakukan oleh surau Nurul Salam ini boleh dijadikan sebagai panduan dan penanda aras dalam pengurusan surau Orang Asli di Malaysia. Dengan adanya satu panduan yang berkesan, ini akan memudahkan lagi pembentukkan jati diri Orang Asli sebagai seorang Muslim yang sejati dan pembentukan pemahaman terhadap agama Islam dapat dicapai.

## 6. RUJUKAN

- Abdul Ghafar b Don, 2014. Masyarakat Orang Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Abdul Ghafar b Don, 2007. Dakwah dan Pengurusan Islam Di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- AJK Surau Nurul Salam dan PMOA, 2017. Profail Surau Nurul Salam Perkampungan Orang Asli Tun Abdul Razak (KOATAR), Kuala Kubu Bahru, Selangor.
- Amrullah Abdul Karim, 2016. Surau Nurul Salam Surau Terbaik KOA, Mei, Harian Metro.
- Halim Mokhtar dan Zulkefli Aini, 2014. Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli Di Pulau Carey, Banting Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan., Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Masturhah Ismai et. al, Hamdi Ramhan Mohd. Yaacob et.al dan Mohd. Fauzi Mohd Harun et. al, 2011. Sejarah Dakwah dan Pengislaman Orang Asli di Negeri Perak, Shah Alam: Universiti Teknologi Mara (UITM).